



KETUA PENGARAH PERIKANAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Director General
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Industries
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA



03-88704009



ukk@dof.gov.my



<https://www.dof.gov.my>

HEBAHAN MEDIA

GALERI LAMAN AGRO-FOOD PERIKANAN SEMPENA MAHA 2022

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyediakan 13 galeri yang menarik untuk para pengunjung MAHA 2022. Galeri-galeri ini akan berada di Laman Agro-Food Perikanan bermula pada 4 Ogos hingga 14 Ogos 2022 di MAEPS, Serdang.
2. Antara galeri yang menarik iaitu; Sea of Life, Tuna in The House, Dunia Santuari Ikan Sungai, Dunia Sains Akuatik, Perikanan Tangkapan, Teknologi Akuakultur, Ikan Hiasan, Penguatkuasaan, Aquarius, Sangkar Ikan Air Tawar myGAP, myAgroprenuer Muda, DOF Showcase dan Inovasi Perikanan.
3. Tarikan 'wow' bagi Jabatan Perikanan Malaysia pada penganjuran MAHA kali ini adalah Sea of Life yang memaparkan konsep pengurusan daripada pelbagai ekosistem. Galeri ini menantikan kunjungan dari pengunjung semua peringkat umur terutama nya kanak-kanak dan pelajar sekolah. Pameran Usaha Konservasi Perikanan seperti tukun, penyu dan spesies terancam merupakan antara aktiviti yang dirancang di dalam galeri ini sebagai usaha menyebarkan maklumat kepada orang ramai akan kepentingan konservasi.
4. Igloo Showcase yang diadakan di Galeri Sea of Life merupakan sesuatu yang amat menarik iaitu aktiviti interaktif 3D dasar laut yang akan memberi pengalaman istimewa kepada pengunjungnya.
5. Galeri Tuna in the House juga tidak kurang 'wow' dengan demonstrasi 'tuna slicing' secara live. Ikan tuna yang semakin mendapat sambutan di kalangan rakyat Malaysia merupakan satu industri baharu untuk diterokai terutamanya golongan belia. Di samping itu, pengunjung boleh ke booth pendaftaran E-Rekreasi yang akan menyampaikan maklumat berkaitan pendaftaran aktiviti perikanan rekreasi. Pemancing juga boleh mendapatkan peralatan memancing pada harga istimewa sambil melakukan aktiviti di simulator memancing dan melihat pameran model kapal.
6. Orang ramai yang ke Laman Agro-Food Perikanan turut berpeluang melihat tulang paus sebenar bersaiz 14 meter panjang disamping tulang-tulang mamalia lain seperti ikan lumba-lumba, ikan paus kecil, dolfin dan juga karkas sepasang penyu agar. Tulang dugong yang pernah terkenal di Malaysia pada tahun 1999 iaitu 'Si Tenang' juga akan dipamerkan di Galeri Dunia Sains Akuatik.

7. Jabatan Perikanan menjemput orang ramai untuk singgah ke Laman Agro-Food Perikanan bagi mendapatkan hasil segar laut dan produk-produk tuna di jualan yang akan diadakan. Aktiviti jualan ikan sungai seperti Tilapia Merah juga akan diadakan di Galeri Aquarius selama MAHA berlangsung. Di galeri ini juga pengunjung boleh menyertai aktiviti memancing udang galah. Galeri myAgroprenuer Muda turut mengadakan jualan yang terdiri daripada kepelbagaian menu dan produk perikanan (Fisheries Signature Dish).
8. Galeri Ikan Hiasan khusus buat peminat ikan hiasan seperti betta dan kelisa. Di galeri tersebut akan disediakan pameran Ikan Kelisa yang mempunyai nilai komersial yang tinggi. Pelbagai spesies kelisa akan di pameran seperti ikan kelisa emas. Jualan ikan betta dan kelisa juga akan diadakan di Ruang 1 bagi membolehkan peminat ikan tersebut memiliki spesies yang mungkin belum menjadi koleksi.
9. Selain itu juga turut disediakan Rumah Nelayan yang merupakan satu pameran berkonsep rumah nelayan yang unik dan dilengkapi peralatan tradisional penangkapan ikan. Rumah ini memberi peluang kepada generasi Z yang rata-rata hidup di dalam dunia serba moden dan canggih.
10. Jabatan Perikanan Malaysia mengajak orang ramai untuk hadir ke MAHA 2022 dan semestinya wajib untuk ke Laman Agro-Food Perikanan bagi melihat tarikan-tarikan di semua galeri.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

31 Julai 2022 (Ahad) jam 10.00 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my